

# Kerjasama rentas kerajaan tangani pandemik COVID-19

BH- 23/8/2021 M/S: 2

## Laksana strategi lebih berkesan pastikan sistem kesihatan negara kembali stabil

**Kuala Lumpur:** Kerajaan berikrar memastikan setiap intervensi dan usaha memerangi pandemik COVID-19 dilakukan dengan lebih komprehensif, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, ia bakal dilaksanakan melalui kerjasama strategik rentas kerajaan dengan pembabitan pemegang taruh, agensi kerajaan dan pihak swasta bagi memastikan sistem kesihatan negara kembali stabil.

Selain itu, katanya, strategi dirangka kerajaan terdahulu akan diteruskan dan diperkasa serta ditambah baik dengan mengambil kira pandangan pakar kesi-

hatan awam negara.

“Pandemik COVID-19 adalah musuh kita semua. Mengambil kira situasi getir pandemik COVID-19 dunia, umum mengetahui bahawa varian wabak ini sentiasa berevolusi, bermula daripada varian alpha kepada beta dan terkini ialah lambda.

“Melalui usaha berterusan kerajaan sebelum ini, kadar pencapaian vaksinasi di Malaysia adalah antara yang terpuas di seluruh dunia. Malaysia konsisten memberi kadar vaksinasi yang tinggi melebihi 500,000 dos sehari.

“Bersandarkan data ini, kerajaan akan meneruskan usaha dilaksanakan sebelumnya agar segera kita beralih ke fasa pemulihan melalui sasaran imuniti kelompok,” katanya dalam ucapan sulungnya sebagai Perdana Menteri, semalam.

Ismail Sabri berkata, kerajaan akan memastikan inisiatif dan strategi dalam meningkatkan liputan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang

“ Kerajaan akan meneruskan usaha dilaksanakan sebelumnya agar segera kita beralih ke fasa pemulihan melalui sasaran imuniti kelompok ”

**Ismail Sabri Yaakob,**  
Perdana Menteri



sedang berlangsung diperhebat bagi mencapai sasaran berkenaan lebih awal.

“Saya berterima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang memberikan kerjasama penuh dalam pengambilan vaksin. Keupayaan memerangi pandemik secara berkesan memerlukan komitmen daripada semua Keluarga Malaysia.

“Bagi mereka yang belum mendaftar, rayulah ahli keluarga kita untuk segera berbuat demikian. Dengan itu, kita dapat membantu dan menghargai pengorbanan *frontliners* (petugas barisan ha-

dapan) yang masih bertungkus lumus bagi memastikan seluruh rakyat dapat segera menjalani kehidupan dalam norma baharu,” katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan kerajaan optimis kejayaan program vaksinasi akan membolehkan orang ramai kembali menziarahi ibu bapa, meraikan perayaan dan melancong dalam negara.

Gambaran itu katanya, bukan angan-angan kosong kerana negara pernah berjaya menurunkan statistik pesakit COVID-19.

Menerusi kejayaan sama, be-

liau turut memberi gambaran anak muda boleh beriadah, pulang semula ke institusi pendidikan tinggi dan paling utama ialah murid boleh kembali ke sekolah.

Ini kerana, fakta terkini Jumat lalu membuktikan keberkesanan strategi apabila statistik kes harian di Labuan yang sudah mencapai 90 peratus imuniti kelompok dewasa, menurun secara konsisten kepada satu digit selama tujuh hari berturut-turut.

“Ini bukanlah bermakna kita akan bebas sepenuhnya daripada ancaman COVID-19, tetapi apabila kita mencapai imuniti kelompok, virus ini tidak lagi menjadi ancaman seperti yang ditakuti sekarang.

“Demi memangkin pencapaian seperti di Labuan, saya umumkan pembelian tambahan sejumlah enam juta dos vaksin lagi yang akan diterima menjelang awal September ini, sebagai satu berita baik kepada semua sempena Bulan Kemerdekaan ini,” katanya.